

## ULASAN PERUNDANGAN

### AKTA PENCEGAHAN KEGANASAN 2015

*Nurhafilah Musa*  
hafilah@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### PENDAHULUAN

Latar belakang penggubalan Akta Pencegahan Keganasan 2015 bermula pada tahun 2014. Pada 24 September 2014, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan Resolusi 2178 untuk menangani ancaman keganasan. Resolusi ini meminta semua negara untuk bekerjasama dalam usaha menangani ancaman yang timbul daripada aktiviti keganasan.

Pada 26 November 2014, Perdana Menteri Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak membentangkan kertas putih bertajuk "Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan *Islamic State* (IS)" di parlimen sebagai memperakui ancaman keganasan yang berterusan di dalam dan di luar negara. Kertas putih tersebut menegaskan komitmen kerajaan untuk membanteras ancaman yang ditimbulkan oleh IS bersama-sama masyarakat antarabangsa. Perenggan 41 kertas putih tersebut mengiktiraf resolusi yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB. Berdasarkan syor dalam perenggan 59, suatu undang-undang baharu akan diperbuat untuk menangani secara khusus ancaman IS. Beberapa undang-undang lain turut diperkukuh untuk menangani isu keganasan.

Kerajaan telah membentangkan Akta Pencegahan Keganasan 2015 [Akta 769] (selepas ini disebut Akta 769) di parlimen pada sesi Mac 2015. Akta tersebut telah diluluskan oleh parlimen dan mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 28 Mei 2015. Akta 769 telah berkuat kuasa pada 1 September 2015. Undang-undang lain yang dipinda selari dengan

lulusnya Akta 769 ialah Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2015, Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015 dan Akta Penjara (Pindaan) 2015. Akta baharu yang diluluskan oleh parlimen ini diluluskan serentak dengan Akta Pencegahan, iaitu Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 [Akta 770]. Penggubalan Akta 769 dibuat berdasarkan perkara 149 Perlembagaan Persekutuan (selepas ini disebut perlembagaan) bagi membolehkan Akta 769 mengandungi peruntukan yang bercanggah dengan perkara 5, 9, 10 dan 13 perlembagaan atau di luar bidang kuasa penggubalan undang-undang parlimen atau perkara 79 perlembagaan. Makalah ini akan membincangkan ruang lingkup akta dan isu yang ditimbulkan tentang peruntukan Akta 769 yang berkait rapat dengan perlindungan terhadap kebebasan asasi.

## **RUANG LINGKUP AKTA 769**

Pada permulaan Akta 769 dinyatakan bahawa:

Suatu akta untuk mengadakan peruntukan tentang pencegahan perlakuan atau sokongan bagi perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas tersenarai di sesuatu negara asing atau di mana-mana bahagian sesuatu negara asing serta bagi kawalan terhadap orang yang terlibat dengan perbuatan sedemikian dan bagi perkara yang berkaitan.

Akta ini bukan menggariskan kesalahan yang terangkum dalam maksud aktiviti keganasan, tetapi merupakan undang-undang berbentuk pencegahan terhadap perbuatan atau sokongan terhadap aktiviti keganasan yang melibatkan kumpulan pengganas di negara asing. Akta ini juga berbentuk kawalan terhadap sesiapa yang disyaki terlibat atau sememangnya terlibat dalam aktiviti keganasan.

Seksyen 2 mendefinisikan beberapa terma penting berkaitan dengan keganasan. Antaranya, “perbuatan keganasan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Kanun Keseksaan [Akta 574]. “Organisasi pengganas tersenarai” diertikan sebagai “mana-mana entiti ditentukan yang diisytiharkan di bawah

seksyen 66b dan 66c Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]”. Akta 769 mempunyai lima bahagian, iaitu Permulaan, Kuasa Penangkapan dan Reman, Siasatan, Perintah Tahanan dan Sekatan, dan Bahagian Am. Peruntukan Akta 769 perlu dibaca bersama-sama dengan peruntukan akta lain, iaitu Kanun Keseksaan [Akta 574], Kanun Tatacara Jenayah, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] dan Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7].

Makalah ini hanya akan mengetengahkan beberapa terma penting yang terkandung dalam Kanun Keseksaan yang berkait dengan keganasan. Kanun Keseksaan telah dipinda dengan memasukkan Bab VIA (seksyen 130B-130T) tentang kesalahan berkaitan dengan keganasan. Bab ini menghuraikan 18 kesalahan berkaitan dengan perbuatan keganasan atau menyokong keganasan berserta hukuman. Seksyen 130B(1) memberikan tafsiran kepada beberapa terma penting yang berkaitan dengan keganasan. “Pengganas” ialah “mana-mana orang yang (a) Melakukan, atau cuba melakukan, apa-apa perbuatan pengganas; atau (b) Menyertai atau memudahkan berlakunya mana-mana perbuatan pengganas, dan termasuk suatu entiti tertentu di bawah seksyen 66b dan 66c Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001”.

Seksyen 130B(2) menghuraikan perbuatan yang tergolong dalam “tindakan pengganas”, iaitu suatu perbuatan atau tindakan ugutan di dalam atau di luar Malaysia. Antaranya termasuklah:

- (a) Perbuatan atau ugutan jatuh di bawah subseksyen (3) dan tidak jatuh di bawah subseksyen (4);
- (b) Perbuatan itu dilakukan atau ugutan dibuat dengan niat untuk melanjutkan suatu perjuangan politik, agama atau ideologi; dan
- (c) Perbuatan atau ugutan berniat atau yang boleh semunasabahnya dianggap sebagai berniat –
  - i. Menakutkan orang awam atau sebahagian daripada orang awam; atau

ii. Mempengaruhi atau memaksa Kerajaan Malaysia atau kerajaan di mana-mana negeri di Malaysia, mana-mana kerajaan lain, atau mana-mana organisasi antarabangsa untuk membuat atau menahan daripada melakukan apa-apa perbuatan.

Seksyen 130B(3) Kanun Keseksaan menjelaskan bahawa suatu perbuatan atau ugutan dikategorikan sebagai perbuatan pengganas, jika: –

- (a) Melibatkan cedera parah pada tubuh seseorang;
- (b) Membahayakan nyawa seseorang;
- (c) Menyebabkan kematian seseorang;
- (d) Mewujudkan risiko yang serius pada kesihatan atau keselamatan awam atau sebilangan orang awam;
- (e) Melibatkan kerosakan serius pada harta benda;
- (f) Melibatkan penggunaan senjata api, bahan letupan atau alat berbahaya lain;
- (g) Melibatkan pembebasan ke alam persekitaran atau mana-mana bahagian alam persekitaran atau mengedarkan atau mendedahkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam kepada –
  - i. Mana-mana bahan bahaya, berbahaya, radioaktif atau memudaratkan;
  - ii. Mana-mana bahan kimia toksik; atau
  - iii. Mana-mana mikroba atau agen biologi atau toksin.
- (h) Adalah direka bentuk atau berniat untuk mengganggu atau mengusik secara serius, mana-mana sistem komputer atau peruntukan mana-mana perkhidmatan yang berkaitan secara langsung dengan infrastruktur komunikasi, perkhidmatan perbankan atau kewangan, utiliti, pengangkutan atau infrastruktur penting lain;
- (i) Adalah direka bentuk atau berniat untuk mengganggu atau mengusik secara serius peruntukan perkhidmatan kecemasan yang penting seperti polis, pertahanan awam atau perkhidmatan perubatan;
- (j) Melibatkan prejudis terhadap keselamatan negara atau keselamatan awam;
- (k) Melibatkan kombinasi mana-mana tindakan yang ditentukan di dalam perenggan (a) hingga (j).

dan termasuk apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh

menjadikannya suatu kesalahan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 [Akta 307].

Oleh itu, boleh difahami bahawa Akta 769 ialah akta yang memperuntukkan bentuk tindakan pencegahan terhadap sebarang perbuatan keganasan yang dinyatakan dalam Kanun Keseksaan, yang boleh dikenakan terhadap seseorang yang disyaki walaupun perbuatan keganasan tersebut belum berlaku.

## **LEMBAGA PENCEGAHAN KEGANASAN**

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Akta 769 mempunyai persamaan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) yang telah dimansuhkan pada tahun 2011. Hakikatnya, dari segi pelaksanaan tindakan terhadap orang yang ditahan berbeza daripada kewujudan Lembaga Pencegahan Keganasan (selepas ini Lembaga). Jika Akta 769 dibandingkan dengan ISA, kuasa untuk menahan di bawah ISA dibuat atas perintah menteri, manakala di bawah Akta 769, penentuan sama ada seseorang itu ditahan dalam tempoh yang lebih lama dibuat oleh Lembaga. Mengikut seksyen 8, anggota Lembaga Pencegahan Keganasan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong terdiri daripada:

- (a) Seorang pengerusi yang hendaklah seseorang yang mempunyai kelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya 15 tahun dalam bidang undang-undang;
- (b) Seorang timbalan pengerusi; dan
- (c) Tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada enam anggota lain.

Anggota Lembaga dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula dalam tempoh tiga tahun. Oleh sebab orang yang ditahan di bawah Akta 769 tidak dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan, Lembaga berperanan seolah-olah seperti sebuah tribunal yang menentukan sama ada seseorang itu perlu ditahan dalam tempoh yang lebih panjang atau dikenakan sekatan termasuk pemasangan peranti pengawasan elektronik (seksyen 13),

menggantung perintah tahanan (seksyen 15), melanjutkan perintah tahanan atau perintah sekatan (seksyen 17) dan membatalkan perintah tahanan atau perintah sekatan (seksyen 18). Lembaga juga mempunyai kuasa budi bicara untuk menghapuskan nama sesiapa yang dimasukkan dalam daftar (seksyen 23).

## **PROSES TANGKAPAN DAN SIASATAN**

Mengikut seksyen 3 Akta 769, seorang pegawai polis boleh membuat tangkapan tanpa waran sesiapa yang dipercayai mempunyai alasan untuk dilakukan siasatan terhadapnya. Apabila berlaku tangkapan, orang yang ditangkap hendaklah dirujuk kepada pendakwa raya untuk mendapatkan arahan tidak lewat daripada tujuh hari dari tarikh penangkapan. Orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam selepas ditangkap. Perkara ini selaras dengan hak orang yang ditangkap yang dijamin di bawah perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan. Pegawai polis yang melakukan tangkapan tersebut hendaklah menyediakan satu laporan lengkap penyiasatan untuk dikemukakan kepada pegawai siasatan dan Lembaga.

Seksyen 4 menyatakan bahawa apabila orang yang ditangkap dibawa ke hadapan majistret, majistret hendaklah meremannya dalam jagaan polis selama 21 hari jika terdapat pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor yang menyatakan bahawa terdapat alasan untuk dipercayai bahawa orang yang ditangkap terlibat dengan kegiatan keganasan atau menyokong kegiatan keganasan. Perbuatan keganasan yang disokong oleh orang yang ditangkap itu melibatkan kumpulan penganas di mana-mana negara asing dan tidak semestinya kumpulan tersebut berada di Malaysia. Jika tiada sebarang pernyataan bertulis dikemukakan oleh pihak polis kepada majistret tentang orang yang ditangkap, majistret hendaklah melepaskannya.

Selepas atau sebelum tamat tempoh reman, orang yang ditangkap hendaklah dibawa ke hadapan majistret. Jika terdapat pernyataan bertulis oleh pendakwa raya bahawa terdapat keterangan yang mencukupi untuk siasatan dijalankan di bawah seksyen 10 Akta 769 dan pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai

polis yang berpangkat tidak rendah daripada penolong penguasa yang menyatakan bahawa terdapat tujuan untuk mengadakan siasatan lanjut di bawah seksyen 10, majistret boleh memerintahkan orang yang ditangkap itu direman selama 38 hari seperti yang termaktub dalam seksyen 4(2) Akta 769. Jika tidak ada sebarang pernyataan dibuat oleh pendakwa raya dan pegawai polis tentang keperluan orang yang ditangkap untuk menjalani siasatan lanjut, orang yang ditangkap perlu dilepaskan. Seksyen 4(3) Akta 769 menyatakan dengan jelas bahawa mana-mana individu tidak oleh ditahan di bawah seksyen 4 Akta 769 kerana kepercayaan atau aktiviti politik. Peruntukan seksyen 4 Akta 769 ini sama seperti peruntukan seksyen 4(12) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 [Akta 747].

Orang yang direman di bawah seksyen 4 Akta 769 hendaklah dibawa di hadapan seorang pegawai siasatan.<sup>1</sup> Mengikut seksyen 9 Akta 769, menteri boleh melantik sesiapa sahaja menjadi pegawai siasatan melainkan pegawai polis. Pegawai siasatan hendaklah menyiasat dan membuat laporan secara bertulis kepada Lembaga dengan menyatakan sama ada wujud atau tidak alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa orang yang ditangkap terlibat atau menyokong aktiviti keganasan yang dilakukan oleh kumpulan pengganas.<sup>2</sup> Siasatan yang dibuat oleh pegawai siasatan hendaklah dilakukan mengikut tatacara yang diarahkan oleh Lembaga.<sup>3</sup>

Akta 769 memberikan kuasa kepada pegawai siasatan untuk:

- (a) Mendapatkan dan menerima sebarang keterangan;
- (b) Memanggil dan memeriksa saksi atas sumpah atau ikrar;
- (c) Mengemukakan sebarang dokumen yang berkaitan dengan siasatan;
- (d) Menerima keterangan tanpa kehadiran orang yang menjadi subjek siasatan;
- (e) Memberikan apa-apa arahan yang perlu.<sup>4</sup>

1 Seksyen 5 Akta Pencegahan Keganasan 2015.

2 Seksyen 10(1) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

3 Seksyen 10(2) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

4 Seksyen 10(3) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

Orang yang menjadi subjek siasatan dan saksi dalam siasatan tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara dalam siasatan, kecuali apabila keterangannya sedang diambil dan direkodkan oleh pegawai siasatan.<sup>5</sup> Peruntukan ini menjadi isu kerana Perlembagaan Persekutuan memberikan hak untuk berunding dengan peguam apabila seseorang ditahan. Oleh sebab Akta 769 dibuat di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan, penafian hak untuk berunding dengan peguam adalah dibenarkan.

Pendakwa Raya boleh hadir dalam siasatan untuk membantu pegawai siasatan. Pegawai siasatan semasa menyiasat kes berkaitan dengan orang yang ditangkap di bawah Akta 769, mempunyai hubungan dengan sesiapa yang dipercayai berkait dengan atau mempunyai keterangan tentang mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh orang yang sedang ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau sedang dipenjarakan, sama ada belum atau telah disabitkan kesalahan.<sup>6</sup>

Pegawai siasatan hendaklah mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dalam tempoh yang ditetapkan.<sup>7</sup> Selepas Lembaga menerima laporan tersebut dan bersetuju dengan pegawai siasatan bahawa terdapat alasan munasabah untuk dipercayai bahawa orang yang ditangkap terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan yang melibatkan organisasi pengganas yang tersenarai.<sup>8</sup> Jika Lembaga bersetuju dengan pegawai siasatan bahawa tiada alasan yang munasabah untuk dipercayai orang yang ditangkap terlibat dengan perbuatan melakukan atau menyokong perbuatan keganasan, Lembaga hendaklah mengarahkan orang yang ditangkap dibawa ke hadapan hakim mahkamah seksyen dalam tempoh 24 jam daripada penerimaan arahan. Tujuan orang yang ditangkap dibawa ke hadapan hakim mahkamah seksyen untuk membolehkan perintah reman yang dibuat di bawah seksyen 4 Akta 769 dilepaskan dan dilepaskan serta-merta.<sup>9</sup>

5 Seksyen 10(6) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

6 Seksyen 11(1) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

7 Seksyen 12(1) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

8 Seksyen 12(2)(a) Akta Pencegahan Keganasan 2015.

9 Seksyen 12(2)(b) Akta Pencegahan Keganasan 2015.



## **PERINTAH TAHANAN DAN SEKATAN**

Bahagian IV Akta 769 mempunyai 16 peruntukan (seksyen 13-28) tentang perintah tahanan dan sekatan. Dengan kata lain, bahagian ini menjelaskan implikasi terhadap orang yang ditahan selepas Lembaga menerima laporan. Orang yang ditahan tidak akan melalui sebarang proses perbicaraan di mahkamah terbuka. Keadaan ini menyebabkan timbulnya dakwaan bahawa Akta 769 seakan-akan ISA kerana mempunyai elemen tahanan tanpa bicara. Perbicaraan di mahkamah terbuka dianggap sebagai satu elemen yang dapat menjamin keadilan terhadap orang yang tertuduh atau orang yang disyaki melakukan suatu kesalahan. Tanpa perbicaraan, berkemungkinan pihak tertuduh tidak bersalah dan tidak mempunyai peluang untuk membela diri.

Mengikut seksyen 13, selepas Lembaga menerima laporan tentang orang yang ditahan sama ada daripada pihak polis di bawah seksyen 3(4) atau seksyen 12 Akta 769, Lembaga boleh mempertimbangkan sama ada orang itu ditahan selama tempoh tidak melebihi dua tahun (perintah tahanan) atau orang itu dikenakan kawalan dan pengawasan, serta syarat berkenaan dengan aktivitinya (perintah sekatan). Tempoh sekatan adalah tidak melebihi lima tahun dan dalam tempoh tersebut semua atau mana-mana sekatan dan syarat boleh dikenakan terhadap individu yang dikenakan perintah sekatan seperti yang terkandung dalam seksyen 13(3) (a) hingga (l). Sekatan ini meliputi sekatan pergerakan, komunikasi dan pemasangan peranti pengawasan elektronik.

Ketidakpatuhan pada perintah sekatan atau syarat yang dikenakan terhadap orang yang menerima perintah sekatan boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak melebihi 10 tahun. Sesiapa yang bersubhat membantu individu yang dikenakan perintah sekatan melanggar mana-mana sekatan atau syarat boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak melebihi 10 tahun.

Pihak kehakiman tidak dibenarkan memainkan peranan untuk membuat semakan kehakiman terhadap tindakan atau keputusan Lembaga seperti yang termaktub dalam seksyen 19 Akta 769. Semakan kehakiman dalam konteks akta ini merujuk prosiding yang dimulakan dengan cara:

- (a) Permohonan untuk mendapatkan apa-apa perintah prerogatif mandamus, larangan dan certiorari;
- (b) Permohonan untuk mendapatkan deklarasi atau injunksi;
- (c) Writ habeas corpus; dan
- (d) Apa-apa guaman, tindakan atau prosiding undang-undang lain yang berhubungan dengan satu atau yang berbangkit daripada apa-apa tindakan yang dilakukan atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga mengikut akta ini.

Semakan kehakiman hanya boleh dilakukan terhadap keputusan Lembaga tentang apa-apa persoalan tentang pematuhan apa-apa kehendak tatacara dalam akta ini yang mentadbir tindakan atau keputusan. Sebarang asas lain tidak diterima bagi tujuan semakan kehakiman berhubung dengan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga tentang perintah tahanan atau perintah sekatan.

Berdasarkan seksyen 22, Pendaftar Penjenayah yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7] hendaklah menyimpan satu daftar yang mencatatkan nama setiap orang yang dikenakan perintah sekatan atau perintah tahanan berserta butiran diri mereka. Seksyen 24 menyatakan bahawa orang yang berdaftar tidak boleh bergaul atau berkawan dengan sesiapa tanpa kebenaran ketua polis daerah di tempat dia bermastautin. Peruntukan ini boleh menimbulkan masalah jika orang yang dikenakan perintah sekatan merupakan pasangan suami isteri yang didaftarkan dalam daftar yang sama dan mereka tidak mendapat kebenaran untuk tinggal bersama-sama daripada ketua polis daerah.

## ULASAN

Selepas Akta 769 diluluskan oleh parlimen, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah mengeluarkan kenyataan rasmi berkaitan dengan hak asasi yang menjadi isu dalam Akta 769. SUHAKAM amat mengambil berat keadaan orang yang ditahan dan tidak diberikan hak untuk diwakili oleh peguam seperti yang dinyatakan dalam seksyen 10(16) dan peruntukan tahanan tanpa bicara yang bercanggah dengan hak untuk dibicarakan secara adil

yang termaktub di bawah perkara 5 Perlembagaan Persekutuan. SUHAKAM berpendapat tahanan tanpa bicara merupakan suatu ancaman yang serius terhadap kebebasan dan hak untuk menikmati kebebasan asasi lain.

Selain itu, SUHAKAM tidak berpuas hati dengan ketiadaan ruang untuk melakukan semakan kehakiman melainkan dalam perkara yang berbentuk prosedural. Penafian ruang untuk melakukan semakan kehakiman merupakan penafian hak orang tertuduh untuk mendapatkan kepastian daripada mahkamah tentang keabsahan penahanan yang dibuat di bawah Akta 769. SUHAKAM turut menyeru supaya Akta 769 disemak semula dan perundingan dengan pihak berkepentingan diadakan untuk menjamin pemeliharaan hak asasi manusia yang selaras dengan obligasi Malaysia. Ketidakpuasan hati SUHAKAM terhadap Akta 769 telah dinyatakan dalam Laporan Tahunan SUHAKAM pada tahun 2015.

Pihak Kerajaan Malaysia telah memberikan maklum balas terhadap komen SUHAKAM tentang Akta 769 dengan menyatakan bahawa dalam prosedur penangkapan sama ada di bawah Akta 769 atau mana-mana undang-undang jenayah lain, sesiapa yang ditahan di bawah Akta 769 akan dimaklumkan sebab penangkapan dan hak di sisi undang-undang selepas sahaja tangkapan dibuat selaras dengan seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah. Pihak kerajaan juga menjelaskan bahawa di bawah seksyen 10(6) Akta 769, peguam boleh hadir dalam inkuiri jika pernyataan beliau diambil dan direkodkan oleh pegawai inkuiri. Waris kadim turut dimaklumkan berhubung dengan tangkapan dan lokasi keberadaan orang yang ditahan.

Dari sudut semakan kehakiman, pihak kerajaan menjelaskan bahawa proses semakan kehakiman tidak akan ditolak. Sesiapa yang ditahan di bawah Akta 769 boleh memfailkan semakan kehakiman melalui proses permohonan habeas corpus di mahkamah tinggi dan proses ini diperuntukkan dalam Bab XXXVI, seksyen 365 Kanun Tatacara Jenayah. Penjelasan pihak kerajaan dalam isu semakan kehakiman ini agak bercanggah dengan seksyen 19 yang menyatakan bahawa prosiding semakan kehakiman yang dimulakan dengan writ habeas corpus tidak dibenarkan.

Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa

mana-mana individu yang ditahan di bawah mana-mana undang-undang pencegahan mempunyai peluang untuk membuat representasi terhadap perintah yang dibuat terhadapnya dengan seberapa segera kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Lembaga Penasihat akan menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh tahanan pencegahan dan seterusnya membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh tiga bulan setelah menerima representasi tersebut atau dalam tempoh yang lebih lama yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Peluang tahanan pencegahan untuk mendapat keadilan adalah sama di sisi undang-undang. Dengan kata lain, keputusan perintah tahanan atau perintah sekatan yang dibuat oleh Lembaga Pencegahan Keganasan boleh dirayu kepada Lembaga Penasihat.

Prof. Madya Bilveer Singh dari National University Singapore berpendapat bahawa Akta 769 merupakan mekanisme terbaik untuk menghadapi ancaman keganasan yang dibawa oleh anggota kumpulan keganasan yang kembali ke Malaysia. Mereka mempunyai kemahiran menggunakan senjata api dan berupaya membina jaringan golongan ekstrem dan pengganas. Beliau juga berpendapat bahawa Akta 769 melibatkan langkah pencegahan untuk mengatasi ancaman. Tanpa langkah pencegahan, pasukan keselamatan hanya boleh bertindak selepas jenayah keganasan berlaku yang sering kali memberikan kesan yang sangat besar kepada masyarakat dan negara.

## KESIMPULAN

Selepas penguatkuasaan Akta 769 pada bulan September 2015, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan Peraturan-peraturan Pencegahan Keganasan (Tatacara Lembaga Penasihat) 2015. Peraturan ini dibuat di bawah seksyen 13(9) dan seksyen 34 Akta 769. Peraturan ini menjelaskan tatacara bagi membuat representasi oleh sesiapa yang ditahan di bawah Akta 769 kepada Lembaga Penasihat. Meskipun Akta 769 mempunyai kesan positif untuk memperkukuh benteng keselamatan negara, undang-undang ini hendaklah digunakan dengan bijaksana dan adil tanpa penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pihak.

## RUJUKAN

- Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Akta 747).  
Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (dimansuhkan).  
Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 (Akta 770).  
Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang tidak Diingini 1969 (Akta 7).  
Akta Pencegahan Keganasan 2015 (Akta 769).  
Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015.  
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).  
Akta Penjara (Pindaan) 2015.  
Bilveer Singh, "Prevention of Terrorism: Relevance of POTA in Malaysia" dlm. *RSIS Commentary* 075, 31 Mac 2015.  
Kanun Keseksaan.  
Kanun Tatacara Jenayah.  
Kenyataan Akhbar SUHAKAM, "The Human Rights Commission of Malaysia Regrets the Passing of the Prevention of Terrorism Act 2015", 7 April 2015.  
Maklum Balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 2015.